



15 MAY, 2025

Tender jana kuasa gas pacu pelaburan sektor tenaga

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Tender jana kuasa gas pacu pelaburan sektor tenaga

Buat kali pertama dalam lebih se-dekad, kerajaan membuka tender bagi pembinaan loji jana kuasa gas baharu di Semenanjung, langkah yang dilihat bakal mencetuskan gelombang pelaburan baharu dalam sektor utiliti negara.

Langkah strategik ini diumumkan Suruhanjaya Tenaga (EC) pada 10 Mei lalu menerusi pelawaan cadangan (RFP) secara bidaan terbuka yang dibahagikan kepada dua kategori - sambungan tempoh operasi loji sedia ada dan pembangunan loji baharu.

RFP ini bukan sahaja menandakan permulaan fasa baharu dalam infrastruktur tenaga negara, malah menjadi reaksi proaktif terhadap permintaan tenaga yang semakin meningkat, terutama daripada sektor pusat data yang sangat intensif tenaga.

Menurut CGS International,

tender ini adalah yang pertama seumpamanya sejak 2016, ketika loji jana kuasa gas 1.2GW di Pulau Indah dianugerahkan dan mula beroperasi pada suku pertama 2025.

"Ini mengukuhkan pandangan bahawa satu kitaran pelaburan baharu dalam sektor tenaga kini sedang bermula," kata firma penyelidikan itu dalam nota terkini.

Faktor utama di sebalik keperluan ini ialah lonjakan pelaburan langsung asing (FDI) yang sebahagian besarnya tertumpu kepada pembinaan pusat data (data centre), sekali gus dijangka mendorong kadar pertumbuhan permintaan tenaga (CAGR) sekitar 5 peratus untuk enam tahun akan datang.

Setakat suku keempat 2024, Tenaga Nasional Berhad (TNB)

sudah menandatangani perjanjian bekalan elektrik berjumlah 5.9GW dengan pengendali pusat data, menjadikan keperluan kapasiti baharu satu keutamaan mendesak.

CGS International menjangkakan kemungkinan berlaku kekurangan bekalan melebihi 5GW menjelang 2030 berdasarkan jadual tamat tempoh loji sedia ada dan penambahan kapasiti yang sudah dirancang.

Dalam kategori sambungan kemudahan sedia ada, TNB dan Malakoff dijangka muncul sebagai penerima manfaat utama memandangkan kedua-duanya mempunyai kapasiti jana kuasa gas sekitar 2GW yang kontraknya sudah tamat atau hampir tamat.

Sementara itu, bagi kategori pembangunan baharu, TNB, Malakoff, YTL Power (YTLP), dan

Edra dijangka bersaing hebat berdasarkan rekod prestasi mereka dalam membangunkan dan mengendalikan loji tenaga termal di Malaysia.

Petronas Gas turut berpotensi menyertai saingan, susulan minat syarikat itu untuk meluaskan portfolionya dalam penjanaan kuasa.

CGS International mengekalkan saranan *overweight* ke atas sektor utiliti Malaysia, dengan TNB dan Malakoff sebagai pilihan utama pelaburan kerana dijangka mendapat manfaat langsung daripada tender ini.

"Kami melihat pelaksanaan tender ini sebagai pengesahan terhadap naratif pelaburan semula sektor tenaga negara, yang selari dengan matlamat Peralihan Tenaga Negara (NETR)," menurut laporan itu lagi.

Langkah ini juga memberi isyarat positif kepada pelabur, terutama dalam kalangan pemain utama yang memiliki kekuatan kewangan serta kemampuan teknikal untuk menyalut cabaran pembangunan loji jana kuasa baharu.

Pada masa sama, pelaksanaan tender ini dijangka memperkuatkan kestabilan bekalan tenaga negara, mengekalkan margin simpanan tenaga yang sihat, dan mempercepatkan pembangunan infrastruktur grid untuk menyokong pertumbuhan ekonomi berintensif tenaga.

Tarikh akhir penghantaran bidaan ditetapkan pada 16 Jun 2025 untuk Kategori 1 dan 14 Julai 2025 bagi Kategori 2, menandakan tempoh kritikal bagi pemain industri mengemukakan cadangan mereka.